

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Monday, May 29, 2017 9:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAZKIRAH MINGGU INI



29 Mei 2017/ 3 Ramadhan 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

PUASA YANG BERKAT

Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya: *"Berapa banyak orang yang berpuasa tetapi dia tidak mendapat apa-apa dari puasanya kecuali hanya lapar dan dahaga"*. (Riwayat Ibnu Majah)

Huraian Hadith:

- i) Setiap muslim harus memahami konsep sebenar puasa supaya ibadah puasanya itu tidak menjadi suatu perbuatan yang sia-sia.
- ii) Berpuasa mengikut perspektif Islam ialah menahan diri dari makan dan minum serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkannya mulai dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

- iii) Puasa juga bermakna menahan diri daripada perkara-perkara berikut iaitu:
- a) Menundukkan pandangan mata serta mengatasinya daripada terlihat perkara yang tercela.
 - b) Menjaga lidah daripada berkata-kata perkara yang sia-sia, dusta, fitnah, caci maki dan menyinggung perasaan orang lain.
 - c) Menahan pendengaran dari mendengar segala sesuatu yang ditegah agama di mana perkara yang haram diucap adalah juga haram didengar seperti mengumpat dan sebagainya.
 - d) Mencegah tangan, kaki dan perut serta semua anggota badan daripada melakukan atau mengambil perkara yang haram.
- iv) Seorang muslim hanya akan terbentuk melalui ibadah puasa yang ditunaikan dengan penuh penghayatan. Bagi mereka yang berpuasa sekadar untuk menunaikan kewajipan tanpa memahami apa sebenarnya yang dituntut oleh agama, mereka tidak akan dapat merasai kemanisan nikmat puasa tersebut malah sehingga ada yang merasakan puasa itu sebagai satu bebanan.
- v) Bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh berkat dan keampunan, oleh itu setiap daripada umat Islam hendaklah berusaha untuk meningkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T dengan melakukan amalan-amalan baik di samping menjauhi segala amalan yang keji dan mungkar.

Wallahua'lam

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madiah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

**PUSAT ISLAM UUM,
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH
Tel: 04-9282560/2569
Fax : 04-9282561**

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>
Email : p.islam@uum.edu.my
Facebook : Pusat Islam UUM



**ASSOCIATION
OF
AMBA
ACCREDITED**



AUN-QA
A Touch of Quality



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.